KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**

**TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

**MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT SEJAHTERA (PPRS) DAN MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI KESEDAR 2025M/1446H**

TARIKH:

**28 APRIL 2025 (ISNIN)**

TEMPAT:

**DATARAN AWAM KG. JEREK,**

**GUA MUSANG, KELANTAN**

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

**(SALUTASI SEWAJARNYA)**

**MUKADDIMAH: Syawal sebagai lambang kemenangan rakyat**

1. Saya mulakan ucapan ini dengan mengimbas semula satu tanda penting iaitu **kemenangan calon Barisan Nasional dalam Pilihanraya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri tahun lalu**.

2. Tahniah kepada wakil rakyat yang telah dipilih, dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pengundi yang memberi kepercayaan YB Azmawi. Insya-Allah, kepercayaan ini akan kami galas dengan penuh amanah dan tanggungjawab demi kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

3. Belum pun setahun kemenangan kita pada PRK di DUN Nenggiri, hari ini saya kembali ke sini kita bersama-sama meraikan Majlis Hari Raya Aidilfitiri. Memang menjadi janji

saya untuk kembali ke Nenggiri setelah kemenangan Barisan Nasional di sini – namun Alhamdulilah Allah SWT pertemukan kita untuk merayakan Syawal yang akan berakhir tak lama lagi.

**PEMBANGUNAN UNTUK RAKYAT: BUKTI BUKAN SEKADAR JANJI**

**Hadirin sekalian,**

4. Sebelum bermulanya kempen PRK Nenggiri tahun lalu, antara isu yang dimainkan oleh pembangkang adalah Kerajaan hanya menabur janji-janji manis untuk menang pilihanraya sahaja, tetapi hakikatnya apa yang kita janji kita telah kotakan dan sebahagiannya sedang dilaksanakan.

5. Contohnya, semasa berkempen, beberapa kali saya dengar YB Azmawi Fikri (Budok Awie) membangkitkan isu ketiadaan kemudahan mesin ATM di Nenggiri, tak sampai sebulan Budok Awie ni menang, bukan satu ATM beliau wujudkan, tetapi empat mesin ATM yabg boleh kita jumpa di Kampung Jerek, Bertam Baru, Rantau Manis dan Jeram Tekoh. Tak sia-sia orang di Nenggiri pilih Awie.

6. Apa lagi kita telah dilakukan sejurus selepas kita menang? Kerajaan melalui KLDW laksanakan sebanyak **lima (5) projek infrastruktur** melibatkan pembinaan Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan kemudahan awam telah berjaya disiapkan dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak **RM1.35 juta**.

7. Daripada jumlah tersebut, dua (2) projek telah dilaksanakan di Kg. Jerek manakala tiga (3) lagi projek di Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Jeram Tekoh, yang secara langsung memberi manfaat kepada lebih 3,000 orang penduduk setempat. **Terdapat 24 lagi projek yang telah diluluskan** masih dalam tindakan Kementerian untuk disalurkan peruntukan dalam masa terdekat, insya Allah.

8. Tidak cukup itu, tahun ini, Kerajaan Persekutuan melalui KKDW telah meluluskan peruntukan baharu sebanyak **RM38.571 juta** kepada KESEDAR bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan di Wilayah Selatan Kelantan ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM5.17 juta** telah diperuntukkan khusus untuk kawasan DUN Nenggiri, melibatkan **21 projek** pembangunan yang menyentuh terus keperluan sebenar rakyat.

9. Insya-Allah, lebih 32,000 penduduk DUN Nenggiri akan

mendapat manfaat langsung daripada pembangunan ini. Ini bukan sekadar angka atas kertas. Inilah bukti jelas bahawa Kerajaan hari ini bukan kerajaan yang hanya pandai berjanji, tetapi kerajaan yang bekerja untuk rakyat, yang menyantuni rakyat, dan yang menunaikan amanah rakyat.

10. Selain itu juga, KKDW juga mempunyai tanggungjawab membantu rakyat mendapatkan kehidupan yang lebih selesa melalui penyediaan rumah. Bagi tujuan ini, **KKDW menerusi KESEDAR pada tahun 2025 akan membina baru enam (6) buah rumah dan membaikpulih 46 rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS)** dengan melibatkan peruntukan berjumlah **RM1.39 juta** dan sekaligus memberi manfaat kepada 52 Ketua Isi Rumah di Kelantan Selatan.

11. Untuk para usahawan kampung, peniaga kecil dan penjaja yang gigih mencari rezeki pula, Kerajaan telah meluluskan **RM3.13 juta** di bawah Program Sokongan Perniagaan, Keusahawanan Lestari dan Industri Kotej Bersepadu. Bantuan ini merangkumi peralatan, latihan, pembungkusan produk, pemasaran dan bimbingan yang akan memberi manfaat kepada 210 orang usahawan di Kelantan Selatan.

12. Saya percaya ramai di sini yang mempunyai kemahiran dan bakat untuk mengangkat taraf hidup seperti membuat perniagaan kecil-kecilan, menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan. Namun masih terdapat ruang boleh dilengkapkan dengan khidmat bantuan dan sokongan dengan dibantu oleh pelbagai jabatan atau agensi kerajaan termasuk KESEDAR sebagai agensi Lembaga Kemajuan Wilayah di bawah KKDW.

**PROJEK MEMBINA JALAN DAN JAMBATAN DI GUA MUSANG**

13. Satu lagi bukti komitmen Kerajaan terhadap pembangunan luar bandar apabila KKDW berjaya menyiapkan pelaksanaan satu projek mega yang menelan kos **sebanyak RM26 juta** iaitu **Projek Membina Jalan dan Jambatan menyemberangi Sungai Nenggiri bagi menghubungkan Kg. Bertam Baru ke Kg. Bertam Lama, Gua Musang, Kelantan** dan memberi manfaat kepada 1,665 orang penduduk di Kawasan Bertam.

14. Jalan dan Jambatan merupakan kemudahan yang penting kepada masyarakat di sini. Betul? Kewujudkan infrastruktur ini telah menjadi laluan utama yang menghubungkan Kg. Bertam Baru dan Kg. Bertam Lama

untuk menjalankan aktiviti harian seperti menjalankan kerja harian seperti aktiviti pertanian, persekolahan, kesihatan dan lain-lain.

15. Inilah nikmat yang sewajarnya dinikmati oleh seluruh rakyat termasuk yang tinggal di desa mahupun pedalaman. Sekiranya kerajaan negeri yang dipilih oleh rakyat adalah kerjaan yang sama mentadbir di peringkat persekutuan, saya yakin bukan sekadar jalan dan jambatan dapat kita bina, tetapi banyak lagi infrastruktur lain dapat dibawa ke Nenggiri ini tanpa sebarang halangan dan kerenah birokrasi oleh pentadbiran Kerajaan Negeri.

**PERBANDINGAN NEGERI – SIAPA YANG LEBIH BERJAYA?**

Hadirin sekalian,

16. Di bawah pentadbiran Kerajaan MADANI, Malaysia telah mencatatkan rekod tertinggi dalam sejarah dengan pelaburan diluluskan sebanyak RM378.5 bilion pada tahun 2024, meningkat 14.9% berbanding tahun sebelumnya.

17. Di peringkat negeri, tiga negeri utama yang mencatatkan pelaburan tertinggi termasuk Selangor (RM101.1 bilion), Kuala Lumpur (RM91.5 bilion), dan

Johor (RM48.5 bilion) yang ketiga-tiganya di bawah pentadbiran BN dan PH. Ini menunjukkan keyakinan pelabur asing terhadap kestabilan dan prospek ekonomi negara di pentadbiran kerajaan yang mentadbir pada hari ini.

18. Kalau nak ambil yang dekat sikit dengan Gua Musang ini, kita ada Negeri Perak dan Pahang, kedua-dua Menteri Besarnya adalah dari BN, prestasi pelaburan mereka juga sangat memberangsangkan, iaitu sebanyak RM8.5 bilion bagi Perak dan RM16.1 bilion bagi Pahang. Ini membuktikan kalau kita dapat mentadbir dengan baik, kita dapat memberikan pulangan yang lebih baik, yang akhirnya dapat diberikan kepada rakyat.

19. Ya kita sering dengar sehingga hari ini, Negeri Kelantan, di bawah pentadbiran PAS masih menghadapi pelbagai cabaran termasuk isu bekalan air bersih, infrastruktur yang kurang memuaskan, dan peluang pekerjaan yang terhad. Walaupun terdapat peningkatan peruntukan pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan, hasilnya masih belum memuaskan dan memerlukan penambahbaikan yang signifikan.

20. Ini mungkin bukan ceramah politik tapi saya ambil ruang ini untuk menyeru kepada rakyat Kelantan untuk

memulakan langkah untuk membawa perubahan kepada negeri Kelantan ini. Saya tidak datang ke sini untuk menjanjikan bulan dan bintang. Tetapi saya datang membawa satu harapan dan seruan, **sudah tiba masa Kelantan diberi nafas baharu.** Paling tidak cuba dahulu.

**PENUTUP**

Hadirin sekalian,

21. Sebelum berakhir, saya ingin sebutkan bahawa perjalanan negara kita masih jauh. Namun saya percaya, dengan sokongan seperti tuan-tuan dan puan-puan, kita mampu melangkah lebih jauh bersama.

22. Saya mahu Kampung Jerek dan seluruh kawasan Gua Musang ini menjadi contoh bahawa walaupun di pedalaman, kita mampu maju jika diberi peluang, diberi sokongan dan diberi kepercayaan.

23. Di sini, kita telah meletakkan wakil kita iaitu Budok Awir bagi menjadi mata telinga kepada kerajaan persekutuan untuk memudahcara penyelesaian isu-isu rakyat di kawasan Dun Nenggiri.

24. Saya menaruh keyakinan tinggi kepada Budok Awie akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang berbakti kepada semua rakyat di Dun Nenggiri.

25. Saya akhiri ucapan ini dengan harapan agar kita terus dipayungi rahmat Allah SWT. Semoga segala usaha kita besar atau kecil diterima sebagai amal soleh. Teruskan menyokong kerajaan yang prihatin ini.

**Selamat Hari Raya Aidilfitri. Maaf Zahir dan Batin.**
**Salam perpaduan. Salam Malaysia MADANI.**

Sekian.